


Pemeriksaan Kolaborasi Industri UTHM – INSTUN Ke Arah Pengukuhan Modal Insan Bidang Harta Tanah

Disediakan oleh: PM Sr Dr Azlina Binti Md Yassin

Sri Iskandar, 01 OKTOBER 2025 – seramai 7 orang staf akademik dari Jabatan Pengurusan Harta Tanah (JPHT), Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan (FPTP) telah melaksanakan lawatan akademik / industri ke Institut Tanah Dan Ukur negara (INSTUN). Lawatan yang diketuai oleh Ketua Jabatan, JPHT, Gs. Dr. Edie Ezwan Bin Md Safian ini merupakan lawatan yang julung kalinya dilaksanakan oleh jabatan selepas memeterai semula MoU Bersama INSTUN pada Julai 2023.



Delegasi dari FPTP, UTHM telah disambut baik oleh Pengarah INSTUN, En. Khairin Nazry Bin Karim beserta beberapa pegawai kanan INSTUN yang lain. Majlis dimulai dengan ucapan aluan dari ketua delegasi masing-masing, dan diikuti dengan sesi perbincangan secara komprehensif selepas itu. Perbincangan berkisar kepada strategi pengukuhan kolaborasi antara UTHM dan INSTUN untuk jangkamasa 5 tahun mendatang, merangkumi bidang akademik, latihan dan kursus, serta pembangunan modal insan. Delegasi FPTP juga tidak ketinggalan merebut peluang untuk mempromosikan program akademik yang ditawarkan oleh UTHM dan FPTP khususnya kepada wakil INSTUN, meliputi pengajian peringkat pra siswazah dan pasca siswazah. Diharapkan lawatan ilmiah ini akan menjadi titik tolak kepada pengukuhan kolaborasi antara UTHM dan INSTUN amnya, serta FPTP dan JPHT secara khususnya.

